BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Ref. No.: 12/07/04**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 6.00 petang pada hari Jumaat, 28 Disember 2007**

# Perkembangan Monetari dan Kewangan November 2007
# Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang kukuh.

- Pinjaman terkumpul terus berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 10.2%.

- Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) kekal stabil pada 13.2%.

- Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPLs) bersih terus menurun kepada 3.3%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Ref. No.: 12/07/04**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 6.00 petang pada hari Jumaat, 28 Disember 2007**

# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN NOVEMBER 2007

Pada bulan November, pembiayaan kasar kepada sektor swasta adalah lebih tinggi pada RM55.7 bilion, mencerminkan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi dalam sektor kewangan. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 7.5%. Jumlah pinjaman terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan yang memberangsangkan sebanyak 10.2%. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang kukuh.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif adalah stabil. Kadar deposit tetap tidak berubah manakala kadar pinjaman purata bank perdagangan lebih tinggi sedikit.

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama pada 1 November – 27 Disember. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada permulaan tempoh itu apabila pelabur global mengambil sikap berwaspada berikutan wujud semula ketidakpastian mengenai tahap kerugian berkaitan pinjaman subprima dalam bank-bank antarabangsa yang utama. Walau bagaimanapun, trend ringgit beralih arah pada penghujung bulan November apabila ringgit menambah nilai berikutan

pengumuman prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh pada suku ketiga. Dalam sektor luar, ringgit juga disokong oleh pemulihan dalam sentimen pelabur ekoran laporan rancangan kerajaan AS untuk membekukan kadar faedah bagi pinjaman subprima, dan berikutan usaha bersepadu oleh bank-bank pusat utama untuk melegakan keadaan kekurangan mudah tunai. Ringgit mencecah paras tertinggi selepas krisis pada RM3.31 bagi setiap dolar AS pada 13 Disember sebelum menyusut nilai sedikit apabila jangkaan pasaran berhubung dengan penurunan seterusnya dalam kadar dasar AS berkurang. Bagi keseluruhan tempoh 1 November - 27 Disember, ringgit secara relatifnya tidak berubah berbanding dengan dolar AS. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama lain dan mata wang serantau.

Inflasi meningkat kepada 2.3% pada bulan November 2007 (Oktober: 1.9%), disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* dan juga bagi kategori *restoran dan hotel* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan.* Walau bagaimanapun, impak terhadap inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh penurunan harga bagi kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi*.

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 9.7%, mencerminkan pembiayaan bank yang lebih tinggi dan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) kekal pada 13.2% pada akhir bulan November, meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh institusi perbankan. Nisbah pinjaman tak berbayar (net non-performing loans, NPLs) bersih terus menurun kepada 3.3% disebabkan kutipan semula pinjaman yang lebih tinggi, dan juga hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

## *Kadar faedah terus stabil*

Pada 1 November – 27 Disember, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatifnya stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada bulan November dan Disember. Pada 15 Disember 2007, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih tinggi sedikit pada 6.31% pada bulan November (6.26% pada bulan Oktober).




*Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil*




*Kadar antara bank lain kekal hampir tidak berubah*




*Bank Negara Malaysia mengeluarkan mudah tunai daripada sistem pada bulan November*




*ALR bank perdagangan meningkat sedikit*




*Nisbah pembiayaan-deposit dan nisbah pinjaman-deposit meningkat pada bulan November disebabkan pertumbuhan deposit menjadi sederhana manakala pinjaman terus meningkat pada kadar yang stabil*




| | 1 bulan | 3 bulan | 6 bulan | 9 bulan | 12 bulan |
|---|---|---|---|---|---|
| Okt 07 | 3.08 | 3.15 | 3.29 | 3.38 | 3.70 |
| Nov 07 | 3.08 | 3.15 | 3.29 | 3.38 | 3.70 |
| 15 Dis 07 | 3.08 | 3.15 | 3.29 | 3.38 | 3.70 |

*Kadar FD purata tidak berubah*




*Kadar FD 3 bulan benar lebih rendah disebabkan kenaikan inflasi*

## *Ringgit mempamerkan prestasi bercampur-campur*

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama pada 1 November – 27 Disember. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada permulaan tempoh itu apabila pelabur global mengambil sikap berwaspada berikutan wujud semula ketidakpastian mengenai tahap kerugian berkaitan pinjaman subprima dalam bank-bank antarabangsa yang utama. Walau bagaimanapun, trend ringgit beralih arah pada penghujung bulan November dan menambah nilai berikutan pengumuman prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh pada suku ketiga. Dalam sektor luar, ringgit juga disokong oleh pemulihan umum dalam sentimen pelabur ekoran laporan rancangan kerajaan AS untuk membekukan kadar faedah bagi pinjaman subprima, dan berikutan usaha bersepadu oleh bank-bank pusat utama untuk melegakan keadaan kekurangan mudah tunai. Ringgit mencecah paras tertinggi selepas krisis pada RM3.31 bagi setiap dolar AS pada 13 Disember sebelum menyusut nilai

sedikit apabila jangkaan pasaran berhubung dengan penurunan seterusnya dalam kadar dasar AS berkurang.

Bagi keseluruhan tempoh 1-November - 27 Disember, ringgit secara relatifnya tidak berubah berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun Britain sebanyak 4.3% dan menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun dan euro masing-masing sebanyak 0.4% dan 0.2%. Ringgit juga mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (4.1%), rupiah Indonesia (3.5%) dan dolar Singapura (0.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (-5.2%), renminbi China (-1.9%) dan baht Thailand (-0.5%).




*Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama*




*Ringgit mempamerkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau*

**Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih**

| RM kepada mata wang asing | Akhir tempoh | | | | Perubahan % | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dis 06 | Okt 07 | Nov 07 | 27 Dis 07 | Akhir Dis 06 - 27 Dis 07 | Akhir Okt 07 - 27 Dis 07 |
| Dolar AS | 3.5315 | 3.3418 | 3.3585 | 3.3390 | 5.8 | 0.1 |
| Euro | 4.6460 | 4.8257 | 4.9508 | 4.8360 | -3.9 | -0.2 |
| Paun sterling | 6.9315 | 6.9156 | 6.9251 | 6.6326 | 4.5 | 4.3 |
| 100 yen Jepun | 2.9675 | 2.9119 | 3.0434 | 2.9225 | 1.5 | -0.4 |
| Dolar Singapura | 2.3028 | 2.3059 | 2.3225 | 2.2997 | 0.1 | 0.3 |
| 100 baht Thailand | 9.8111 | 9.8272 | 9.9202 | 9.8729 | -0.6 | -0.5 |
| 100 peso Filipina | 7.2027 | 7.6418 | 7.8977 | 8.0642 | -10.7 | -5.2 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0393 | 0.0367 | 0.0358 | 0.0355 | 10.6 | 3.5 |
| 100 won Korea | 0.3797 | 0.3703 | 0.3632 | 0.3556 | 6.8 | 4.1 |
| Renminbi China | 0.4523 | 0.4477 | 0.4547 | 0.4562 | -0.8 | -1.9 |

## *Inflasi meningkat pada bulan November*

Inflasi meningkat kepada 2.3% pada bulan November 2007 (Oktober: 1.9%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman bukan beralkohol* sebanyak 3.8%. Khususnya, kenaikan harga makanan adalah bagi kategori *makanan di rumah*, iaitu tepung dan bijian bijirin lain, roti, daging, susu, keju, telur, sayur-sayuran segar; dan kategori *makanan di luar rumah*. Selain itu, harga barangan dalam kategori *restoran dan hotel* dan *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan* turut meningkat masing-masing kepada 5.6% dan 2.4% (Oktober: 4.6% dan 2.2%). Namun demikian, impak kenaikan tersebut terhadap inflasi keseluruhan berkurang sebahagiannya oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* dan *komunikasi*.

**Indeks Harga Pengguna**




*Inflasi meningkat pada bulan November*




## *Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan Oktober*

Inflasi harga pengeluar meningkat kepada 6.7% pada bulan Oktober (September: 5.5%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih tinggi dalam sektor komoditi. Khususnya, harga global bagi getah asli, minyak mentah dan minyak sawit mentah yang terus meningkat pada bulan Oktober menyebabkan kenaikan harga dalam kategori *minyak dan lelemak binatang dan sayuran, bahan mentah,* dan *bahan tidak boleh dimakan kecuali bahan api,* dan kategori *bahan api galian, pelincir dan bahan berkaitan*. Sementara itu, harga sektor bukan komoditi meningkat dengan lebih perlahan.




*Nota: Pada bulan Julai 2007, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.*

*Inflasi harga pengeluar meningkat pada bulan Oktober*

## *Bekalan wang mengembang pada kadar yang lebih perlahan*

Pada bulan November, M1 mengembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 15.1% (Oktober: 17.9%) kerana penurunan dalam deposit permintaan. M3 atau wang secara luas naik pada kadar tahunan 9.7% (Oktober: 11.3%). Pada asas bulanan, M3 meningkat dengan sederhana mencerminkan aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi dan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan. Walau bagaimanapun, kesan pengembangan dua faktor ini sedikit sebanyak telah dikurangkan oleh kesan penguncupan tuntutan bersih terhadap Kerajaan.

**Penentu-Penentu M3**
(RM bilion)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Ogos 07** | **Sep 07** | **Okt 07** | **Nov 07** |
| M3 | 1.7 | 2.6 | 3.2 | 1.0 |
| Tuntutan bersih ke atas Kerajaan | 6.6 | -1.8 | -4.1 | -0.4 |
| Tuntutan ke atas sektor swasta | 7.3 | 9.2 | 4.7 | 3.3 |
| *Pinjaman* | *2.7* | *2.1* | *3.3* | *3.8* |
| *Sekuriti* | *-4.7* | *0.3* | *1.5* | *-0.5* |
| Operasi luar bersih * | -23.0 | 5.1 | 13.4 | 0.8 |
| Pengaruh lain | 10.8 | -9.9 | -10.8 | -2.7 |

* Sebelum penilaian semula
M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.




## *Deposit sistem perbankan rendah sedikit pada bulan November*

Setelah mencatat kenaikan yang besar pada bulan September dan Oktober, jumlah deposit dengan sistem perbankan menurun sebanyak RM3.2 bilion, menyebabkan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 8%

(Oktober: +11.1%). Deposit yang lebih rendah ini mencerminkan terutamanya pengeluaran oleh institusi kewangan, Kerajaan Negeri, dan sebahagian kecilnya oleh Kerajaan Persekutuan. Mengikut jenis, penurunan dalam deposit terutamanya adalah dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga, deposit tetap dan deposit permintaan.

**Deposit mengikut Penyimpan**
(RM juta)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Ogos 07** | **Sep 07** | **Okt 07** | **Nov 07** |
| Kerajaan Persekutuan | -381 | 1,183 | -395 | -599 |
| Kerajaan Negeri | 779 | -458 | 1,396 | -1,199 |
| Badan Berkanun [1] | -291 | 372 | 477 | 298 |
| Institusi Kewangan | -10,140 | 6,767 | 1,680 | -4,753 |
| Perusahaan Perniagaan | 2,404 | -5,242 | 1,832 | -82 |
| Individu | 2,506 | 2,694 | 2,169 | 2,294 |
| Lain-lain [2] | 118 | -455 | 788 | 815 |
| Jumlah | -5,004 | 4,860 | 7,946 | -3,226 |

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

**Deposit mengikut Jenis**
(RM juta)

| | Perubahan pada tempoh | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Ogos 07** | **Sep 07** | **Okt 07** | **Nov 07** |
| Deposit tetap | -5,243 | -1,929 | -1,967 | -3,503 |
| NID | -7,179 | -1,935 | 1,301 | -5,468 |
| Deposit permintaan | 781 | -17 | 4,454 | -2,339 |
| Deposit tabungan | 63 | 7 | 650 | 132 |
| Perjanjian beli balik (Repo) | -2,495 | 956 | 1,376 | 77 |
| Deposit mata wang asing | 418 | -598 | 1,183 | 1,445 |
| Deposit SPI | 2,011 | -1,218 | 797 | 1,594 |
| Lain-lain[1] | 6,640 | 9,595 | 153 | 4,835 |
| Jumlah | -5,004 | 4,860 | 7,946 | -3,226 |

1/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

## *Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat*

Pada bulan November, pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih tinggi pada RM55.7 bilion (Oktober: RM52.4 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi oleh sektor kewangan. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul terus meningkat pada kadar tahunan 7.5% (Oktober: 9.2%).

**Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal**




*Peningkatan dalam pembiayaan kasar sektor swasta disebabkan terbitan baharu PDS*

**Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman**
**(RM bilion)**




*Penunjuk pinjaman utama terus kukuh*

**Penunjuk Pinjaman Bank**

| | RM bilion | | Pertumbuhan Tahunan (%) | |
|---|---|---|---|---|
| | Oktober | November | Oktober | November |
| **Jumlah** | | | | |
| Permohonan pinjaman | 38.6 | 53.0 | 70.7 | 97.9 |
| Kelulusan pinjaman | 23.3 | 37.8 | 58.2 | 119.3 |
| Pengeluaran pinjaman | 48.6 | 48.8 | 23.2 | 15.0 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 3.4 | 4.9 | 10.1 | 10.2 |
| **Perusahaan perniagaan** | | | | |
| Permohonan pinjaman | 19.2 | 34.5 | 66.9 | 144.9 |
| Kelulusan pinjaman | 12.4 | 26.9 | 57.1 | 179.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 32.9 | 34.1 | 21.2 | 14.5 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 1.5 | 1.8 | 16.4 | 16.4 |
| **PKS[2/]** | | | | |
| Permohonan pinjaman | 8.0 | 10.8 | 31.8 | 40.1 |
| Kelulusan pinjaman | 4.3 | 6.0 | 4.6 | 38.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 12.1 | 13.2 | 11.4 | 31.3 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 0.8 | 0.7 | 8.4 | 8.8 |
| **Isi rumah** | | | | |
| Permohonan pinjaman | 19.4 | 18.5 | 74.7 | 45.6 |
| Kelulusan pinjaman | 10.9 | 10.8 | 59.6 | 43.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 15.7 | 14.7 | 27.7 | 16.2 |
| Perubahan pinjaman terkumpul[1/] | 1.8 | 2.5 | 7.1 | 7.2 |

*Permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat dalam sektor perniagaan*

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.
[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu




*Pengeluaran pinjaman terus meluas dengan sektor isi rumah dan perkilangan sebagai penerima utama*

Permohonan dan kelulusan pinjaman pada bulan November khususnya adalah kukuh, dengan lebih banyak permohonan dan kelulusan pinjaman dalam sektor perniagaan untuk pembelian sekuriti dan juga aktiviti penyatuan dan pengambilalihan. Mengikut sektor, kenaikan dicatat oleh sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; dan sektor pertanian utama, dan juga oleh sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Bagi sektor isi rumah, kelulusan pinjaman adalah terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang.

Pengeluaran pinjaman juga kekal tinggi dan meluas. Pinjaman terkumpul berkembang lagi pada kadar tahunan yang kukuh sebanyak 10.2% pada akhir bulan November.

## *Penebusan bersih dana yang lebih tinggi dalam pasaran modal*

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal mencatat penebusan bersih sebanyak RM10.9 bilion pada bulan November. Jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan jumlah penebusan bersih sebanyak RM1.2 bilion pada bulan sebelumnya. Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM3.5 bilion, berikutan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun dan bon MGS Switch. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM500 juta. Bagi sektor swasta pula, dana kasar yang diperoleh adalah sebanyak RM6.9 bilion. Sejumlah besar daripada terbitan itu adalah daripada sektor kewangan, yang terutamanya untuk membiayai aktiviti baharu. Walau bagaimanapun, disebabkan jumlah penebusan yang tinggi pada bulan November, dana yang diperoleh sektor swasta mencatat penebusan bersih sebanyak RM12.4 bilion.




## *KLCI menurun sejajar dengan pasaran ekuiti utama*

Pada bulan November 2007, KLCI menurun 1.2% berbanding dengan bulan sebelumnya untuk ditutup pada 1,397 mata. KLCI mencecah paras tertinggi 1,413.9 mata pada 7 November ekoran kenaikan harga minyak sawit mentah yang telah meningkatkan saham perladangan. Namun, sentimen negatif yang berpunca daripada kebimbangan tentang pertumbuhan ekonomi AS yang lebih perlahan telah menyebabkan Bursa Malaysia dan kebanyakan pasaran ekuiti Asia menyusut selepas itu. Permodalan pasaran menyusut kepada RM1,065.3 bilion (sejak akhir bulan Oktober: -2.4%), manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1,160.3 juta unit (Oktober: 1,754.3 juta unit).




*Pasaran kewangan global menurun pada bulan November*

Pada tempoh 1-27 Disember 2007, KLCI mencatat paras tertinggi baharu, iaitu 1,440.4 mata pada 6 Disember, tetapi menurun sedikit kepada 1,424 mata

pada 27 Disember (sejak akhir bulan November: 1.9%). Permodalan pasaran keseluruhan bertambah kepada RM1,086.6 bilion (sejak akhir bulan November: 2.0%) dan aktiviti dagangan menurun dengan urus niaga purata harian sebanyak 822.9 juta unit.

## *Rizab antarabangsa*

Pada 14 Disember 2007, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM345.2 bilion (bersamaan USD101.1 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.




## *Permodalan kukuh dalam keadaan pinjaman tak berbayar yang terus menurun*

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing pada 13.2% dan 10.1% pada akhir bulan November 2007, meskipun terdapat pengagihan keuntungan oleh institusi perbankan. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus menurun kepada 3.3% disebabkan kutipan semula pinjaman yang lebih tinggi, dan juga hapus kira yang berterusan oleh institusi perbankan.

**Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan ***

| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | Sep 07 | Okt 07 | Nov 07 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Modal (%)** | | | | | | | | | | |
| Nisbah modal teras | 10.7 | 11.1 | 11.1 | 11.1 | 11.4 | 10.7 | 10.7 | 10.3 | 10.3 | 10.1 |
| RWCR | 12.5 | 13.0 | 13.2 | 13.8 | 14.4 | 13.7 | 13.5 | 13.2 | 13.2 | 13.2 |
| **NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)** | | | | | | | | | | |
| % jumlah pinjaman bersih | 9.7 | 11.5 | 10.2 | 8.9 | 7.5 | 5.8 | 4.8 | 3.5 | 3.4 | 3.3 |
| Jumlah (RM juta) | 37,678 | 46,254 | 43,110 | 40,013 | 36,668 | 31,332 | 27,360 | 21,900 | 21,350 | 20,666 |
| **Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)** | 2.2 | 2.1 | 2.1 | 2.0 | 1.9 | 1.8 | 1.7 | 1.7 | 1.7 | 1.7 |

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

**Penunjuk Kekukuhan Modal**




*Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh*

**Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am**




* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

*NPL terus menurun*

**Bank Negara Malaysia**
**28 Disember 2007**

## Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

| | | Sep 07 | | Okt 07 | | Nov 07 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan | Jumlah terkumpul | Pertumbuhan tahunan |
| | | (RM b) | (%) | (RM b) | (%) | (RM b) | (%) |
| **Agregat Monetari** | | | | | | | |
| Wang rizab | | 62.9 | 14.5 | 59.9 | 5.4 | 62.7 | 15.5 |
| M1 | | 156.3 | 18.5 | 159.0 | 17.9 | 158.6 | 15.1 |
| M2 | | 764.5 | 12.2 | 768.3 | 11.4 | 769.8 | 9.5 |
| M3 | | 804.2 | 12.3 | 807.4 | 11.3 | 808.4 | 9.7 |
| **Sistem Perbankan** | | | | | | | |
| Jumlah deposit | | 834.0 | 12.0 | 842.0 | 11.1 | 838.7 | 8.0 |
| Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas) | | 645.0 | 9.5 | 648.3 | 10.1 | 653.2 | 10.2 |
| Nisbah pinjaman-deposit (%) | | 75.2 | | 75.0 | | 75.8 | |
| Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%) | | 83.5 | | 83.1 | | 84.0 | |
| Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan) | | 42.5 | 58.3 | 38.6 | 70.7 | 53.0 | 97.9 |
| Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan) | | 23.7 | 45.2 | 23.3 | 58.2 | 37.8 | 119.3 |
| Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan) | | 50.5 | 18.0 | 48.6 | 23.2 | 48.8 | 15.0 |
| Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan) | | 40.5 | 3.3 | 44.3 | 12.6 | 44.4 | 13.3 |
| **Keadaan Sistem Perbankan** | | | | | | | |
| Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%) | | 13.2 | | 13.2 | | 13.2 | |
| NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%) | | 3.5 | | 3.4 | | 3.3 | |
| **Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)** | | | | | | | |
| Rizab dalam RM bilion | | 335.4 | | 340.2 | | 345.1 | |
| Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan) | | 98.2 | | 99.6 | | 101.1 | |
| Bilangan bulan import tertangguh | | 8.7 | | 8.7 | | 8.8 | |
| **Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]** | | | | | | | |
| Kadar Dasar Semalaman (OPR) | | 3.50 | | 3.50 | | 3.50 | |
| Antarabank: | Semalaman | 3.50 [3.50] | | 3.50 [3.50] | | 3.50 [3.50] | |
| | Seminggu | 3.53 [3.52] | | 3.52 [3.52] | | 3.52 [3.52] | |
| | 1 bulan | 3.54 [3.54] | | 3.54 [3.54] | | 3.54 [3.54] | |
| Deposit tetap bank perdagangan: | 1 bulan | 3.08 | | 3.08 | | 3.08 | |
| | 3 bulan | 3.15 | | 3.15 | | 3.15 | |
| BLR bank perdagangan | | 6.72 | | 6.72 | | 6.72 | |
| ALR bank perdagangan | | 6.30 | | 6.26 | | 6.31 | |
| **Harga** | | | | | | | |
| Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100) | | 106.0 | 1.8 | 106.1 | 1.9 | 106.8 | 2.3 |
| Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100) | | 134.6 | 5.5 | 135.7 | 6.7 | t.d. | t.d. |
| **Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)** | | | | | | | |
| Dolar AS | | 3.4170 | | 3.3418 | | 3.3585 | |
| Euro | | 4.8410 | | 4.8257 | | 4.9508 | |
| Paun Sterling | | 6.9167 | | 6.9156 | | 6.9251 | |
| 100 Yen Jepun | | 2.9649 | | 2.9119 | | 3.0434 | |
| Dolar Singapura | | 2.2916 | | 2.3059 | | 2.3225 | |
| 100 Baht Thailand | | 9.972 | | 9.8272 | | 9.9202 | |
| 100 Peso Filipina | | 7.5992 | | 7.6418 | | 7.8977 | |
| 100 Rupiah Indonesia | | 0.0373 | | 0.3670 | | 0.0358 | |
| 100 Won Korea | | 0.3726 | | 0.3703 | | 0.3632 | |
| **Pasaran Modal** | | | | | | | |
| Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor: | awam | 6.2 | | -0.8 | | 0.5 | |
| | swasta | 0.7 | | -0.4 | | -12.4 | |
| Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh) | | 1,336.3 | | 1,413.7 | | 1,397.0 | |
| Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh) | | 1,031.3 | | 1,091.4 | | 1,065.3 | |

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.